

Headline **Prostar diperluas ke seluruh negara**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **170 cm²**
Color **One Spot Color**
ADValue **983**
PRValue **2,948**



Prostar diperluas ke seluruh negara

SEREMBAN - Kementerian Kesihatan akan memperluaskan lagi Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja atau Prostar di seluruh negara dalam usaha meningkatkan pengetahuan remaja (umur di antara 13 dan 25 tahun) mengenai HIV/AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Shirlin Abd. Rashid Shirlin berkata, untuk itu kementerian akan menaikkan pusat khidmat Prostar dan memberikan pendekatan aspek baru Prostar.

"Sehingga kini, terdapat 104 kelab Prostar dan 14 pusat khidmat Prostar dengan seramai 3,500 sukarelawan di seluruh negara. Ini adalah satu jumlah yang dilihat masih kecil, oleh itu, kita hendak perluas dan perhebatkan lagi penglibatan golongan remaja kita dalam Prostar.

"Usaha untuk memberikan nafas baru terhadap program ini (Prostar) akan dibincang dan diperincikan di peringkat kementerian," katanya selepas merasmikan program *Olek Sekampung* sempena majlis sambutan Hari AIDS Sedunia 2009 peringkat Negeri Sembilan di Kampung Baru Sri Sikamat di sini semalam.

Katanya, yang menarik tentang program itu ialah ia secara langsung dapat melatih sukarelawan yang berpengetahuan dan berkemahiran bukan sahaja dalam isu mengenai HIV/AIDS tetapi juga isu kesihatan yang lain.

Katanya, melalui latihan secara berjadual yang dikendalikan, sukarelawan ini dapat menyampaikan ilmu dan kemahiran yang mereka perolehi kepada rakan sebaya khususnya serta masyarakat umumnya.

"Saya percaya melalui usaha memberi pengetahuan dan meningkatkan kemahiran masyarakat terutamanya golongan remaja melalui pusat khidmat Prostar ini akan dapat membantu dalam pengurangan ma-

INFO Prostar

- Berkonsepan *Oleh Remaja, Melalui Remaja, Untuk Remaja.*
- Menggerakkan remaja Malaysia yang berumur 13 hingga 25 tahun sebagai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ke arah Hidup Sihat Tanpa AIDS.
- PRS dilatih untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan pendidikan HIV/AIDS kepada remaja yang lain.

salah jangkitan HIV/AIDS," katanya.

Sementara itu, Rosnah Shirlin berkata di Malaysia, sehingga akhir tahun 2008, seramai 84,630 jangkitan HIV telah dilaporkan dan daripada jumlah itu, 14,576 dijangkiti Aids dan jumlah kematian disebabkan HIV/AIDS adalah 12,589 orang.

Mengikut statistik tahun 2008, 42.2 peratus mereka yang berusia di antara 30-39 tahun merupakan golongan yang paling tinggi mendapat jangkitan HIV.

"Jadi, kita harus memandang serius penyakit AIDS ini dan Kementerian Kesihatan merasakan penglibatan khususnya remaja amat penting dalam Prostar.

"Prostar merupakan satu landasan untuk kita jadikan sebagai jentera kita di akar umbi, lebih-lebih lagi ancaman penyakit ini adalah di kalangan remaja termasuk golongan yang berisiko tinggi," katanya.
- Bernama.